



**PERBADANAN ASET KERETAPI DAN KUMPULAN SUNWAY
TANDATANGANI PERJANJIAN BAGI PEMBANGUNAN
BERORIENTASIKAN TRANSIT SEREMBAN SENTRAL BERNILAI
RM2 BILION**

SEREMBAN, 8 MEI 2025 – Bandar raya Seremban bakal mengalami transformasi menyeluruh dengan termeterainya perjanjian antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Kumpulan Sunway untuk membangunkan tanah seluas 20.8 ekar dengan projek pembangunan berorientasikan transit (TOD) dikenali sebagai **Seremban Sentral**.

Majlis menandatangani perjanjian pembangunan ini pada hari ini telah disaksikan oleh **YB Loke Siew Fook**, Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Seremban, yang turut mengumumkan bahawa Kumpulan Sunway telah dipilih sebagai pemaju utama projek berkenaan selepas proses pemilihan yang dibuat melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP) yang kompetitif.

“Sebagai ibu negeri yang kian pesat membangun, Seremban memerlukan pusat bandar raya moden, mampan dan tersusun. Seremban Sentral bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan itu dengan menyatukan komponen perumahan, komersial, pusat perubatan, institusi penganjiran tinggi, kemudahan awam, sosial dan pengangkutan dalam satu ekosistem yang terangkum,” ujar YB Loke dalam ucapannya.

Majlis menandatangani perjanjian ini menyaksikan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) diwakili oleh YBhg. Dato’ Azhar Ahmad Ketua Pegawai Eksekutifnya dan Kumpulan Sunway diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Property, En Chong Sau Min. Sesi pemeteraian perjanjian ini turut disaksikan oleh YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan & Pengangkutan, YBhg. Dato’ Jana Santhiran Muniayan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC.

UNTUK SIARAN SEGERA

Seremban Sentral yang akan dibangunkan berhampiran dengan **Stesen Keretapi Seremban sedia ada** akan diintegrasikan dengan **Stesen Keretapi Seremban yang baharu** yang akan dibina di bawah projek Klang Valley Double Track 2 (KVDT2). Projek ini dijangka siap pada **Disember 2028**. Dengan **anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM2 bilion**, projek pembangunan ini bakal menampilkan:

- Kediaman pelbagai segmen;
- Pusat perniagaan, pusat perubatan dan komersial;
- Institusi pengajian;
- Kemudahan awam dan sosial;
- Ruang hijau dan rekreasi; dan
- Rangkaian mesra pejalan kaki dan pengangkutan awam bersepadu.

Selain aspek pembangunan moden, projek ini turut mengambil pendekatan berhemah dalam **pemuliharaan warisan dengan mengekalkan Stesen Keretapi Seremban sedia ada**. Stesen kereta api yang dibina sekitar tahun 1904 hingga 1910 dan diiktiraf sebagai bangunan warisan oleh Jabatan Warisan negara (JWN) akan dikekalkan serta diintegrasikan ke dalam reka bentuk pembangunan yang akan dilaksanakan. Inisiatif **Seremban Yard** pula akan menampilkan gudang kereta api lama sebagai ruang kreatif dan keusahawanan komuniti.

“Usaha ini bukan sahaja mengekalkan nilai sejarah, tetapi memberi imej baharu kepada lokasi berkenaan yang saya pasti bakal menjadi tarikan pelancongan dan pusat ekonomi kreatif,” kata YB Loke.

Fasa pertama pembangunan projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan selepas perjanjian ini ditandatangani, yang mana pembangunan sebuah pusat perubatan dan komponen Seremban Yard akan dimulakan. Tempoh pembangunan keseluruhan projek ini dijadualkan mengambil masa selama 14 tahun.

Pembangunan Seremban Sentral sudah semestinya memberi impak positif kepada ekonomi dan masyarakat setempat. Selain berpotensi meningkatkan nilai hartanah,

UNTUK SIARAN SEGERA

projek TOD ini akan merancakkan aktiviti ekonomi serta menarik pelaburan dan perniagaan baharu ke kawasan sekitar.

Situasi ini akan mewujudkan antara 1,000 hingga 1,500 peluang pekerjaan baharu dalam sektor peruncitan, logistik, hartanah dan pelancongan sekaligus membantu mengurangkan kadar pengangguran tempatan. Selain itu, inisiatif Seremban Yard bakal menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan menyediakan ruang keusahawanan komuniti yang dinamik dan inklusif.

Dengan reka bentuk yang mesra pejalan kaki dan berintegrasi dengan sistem rel, projek pembangunan ini dijangka meningkatkan penggunaan pengangkutan awam sebanyak 30% menjelang 2030, selaras dengan matlamat kelestarian dan pengurangan kebergantungan kepada kenderaan persendirian.

YB Loke menegaskan bahawa pembangunan ini adalah contoh kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta dapat direalisasikan dalam memacu kemajuan rakyat secara mampan, moden, dan inklusif berpaksikan prinsip Malaysia MADANI.

“Seremban bersedia memimpin gelombang pembangunan berteraskan pengangkutan awam dan komuniti. Ini adalah ekosistem ekonomi baharu yang menghormati warisan, tetapi berani menuju masa depan.” katanya.

PERBADANAN ASET KERETAPI

8 MEI 2025

- TAMAT -

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 8939 0222

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang Kumpulan Sunway:

Ditubuhkan pada tahun 1974, Kumpulan Sunway adalah salah satu konglomerat terkemuka di Asia Tenggara dengan kehadiran di lebih 50 lokasi di seluruh dunia. Pasukan kami yang terdiri daripada 20,000 orang yang berdedikasi memacu pembangunan lestari dan kemajuan sosioekonomi merentasi sektor-sektor utama, termasuk hartanah, pembinaan, penjagaan kesihatan, pendidikan, peruncitan, rekreasi, dan hospitaliti. Pada tahun 2024, Sunway dengan bangganya meraikan ulang tahun ke-50 kami, satu pencapaian yang jarang dicapai oleh mana-mana syarikat di seluruh dunia. Seiring dengan pandangan kami untuk 50 tahun akan datang dan seterusnya, kami kekal teguh dalam komitmen kami untuk membangunkan negara dan memajukan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-SDGs), yang diselaraskan dengan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) serta strategi korporat kami. Tiga entiti tersenarai awam kami – Sunway Berhad, Kumpulan Pembinaan Sunway, dan Sunway REIT – secara kolektif mewakili satu rangkaian nilai hartanah yang kukuh dan bertanggungjawab dari segi sosial.

Pertanyaan Media:

Komunikasi Korporat

Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Projek Khas Kumpulan Sunway: Encik Yap Shi Han

E-mel: yapsh@sunway.com.my

No Tel: 012 313 2469

Pengurus Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan Sunway: Encik Ernest Chua

E-mel: ernestcet@sunway.com.my

No Tel: 013 397 2758